

'Tak adalah sampai buang kerusi'

Tiada kes serius di pangsapuri kos rendah di Saujana Utama

SAUJANA UTAMA - Isu sampah terbang di kawasan pangsapuri kos rendah di sini didakwa tidak serius seperti di lokasi lain.

Ia berkemungkinan disebabkan reka bentuk rumah yang tiada laluan koridor panjang di setiap tingkat menghadkan penduduk untuk membuang sampah dari atas lebih-lebih lagi ketinggian bangunan hanya sehingga lima aras.

Tinjauan *Sinar Harian* di Flat Kristana, di sini mendapati hanya laluan tingkat bawah sahaja menjadi mangsa tempat pembuangan sampah sarap termasuk tayar lama dan sisa makanan.

Penduduk, S Thavamani, 40, yang menetap lebih tiga tahun di pangsapuri tersebut tidak menafikan ada segelintir penduduk mengambil jalan singkat membuang sampah sisa makanan dari atas.

"Mungkin kerja budak-budak nakal tapi tak adalah sampai buang kerusi, peti ais atau perabot besar dari atas. Sebab reka bentuk rumah flat di sini tiada koridor panjang di setiap aras.

"Setiap bangunan ada tangga di unit masing-masing dan flat pun tak tinggi, mungkin sebab tu tak ada kemudahan lif seperti flat kos rendah lain yang tinggi di bandar besar.

"Cuma kadang-kadang tu ada orang luar buang sampah pukal dekat rumah sampah di flat sini dan sampah pun ada orang kutip selang dua atau



KHAIRUL ANNUAR



MOHD FARID



NIK ISMAIL



THAVAMANI

tiga hari," katanya.

Mohd Farid Mohd Shafie, 34, pula berkata, dia tidak menafikan pengurusan flat terbabit mempunyai Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagaimanapun tidak aktif.

"Apa-apa kerosakan yang berlaku, penduduk dan penyewa yang kena buat sendiri sebab kena ambil inisiatif sendiri untuk memastikan kawasan ini selamat dan bersih.

"Sebagai contoh, kalau bumbung bocor atau laluan jalan masuk gelap, penduduk sendiri baik dan sambung wayar pasang lampu sendi-

ri di kawasan laluan supaya tak bergelap sebab risau kes jenayah.

"Kalau ada pihak yang ingin bantu baik kerosakan flat, pastinya penduduk cukup bersyukur kerana kebajikan mereka dijaga dan kami sedia untuk bersama membantu," katanya.

Sementara itu, Ketua Biro Lajnah Kebajikan Surau Al Makmuriah Seri Pristana, Nik Ismail Wan Ahmad, 48, berkata, pihaknya turut memantau kawasan terbabit kerana ada golongan asnaf menyewa di kawasan itu.



Hanya sampah sisa makanan dibuang di kawasan terbuka di ruang tingkat bawah.



Inisiatif penduduk menjaga sudut bawah bangunan flat dengan tanaman bunga.

"Memang tak nafikan ada sampah sarap dibuang merata namun semua itu boleh diubah jika penduduk berubah sikap dan bersama menjaga kebersihan kawasan rumah.

"Mungkin sebab flat ni tak tinggi sangat sebab ada lima aras saja, sebab itu penduduk atau penyewa masih larat lagi nak buang sampah di tempat disediakan.

"Setakat ini, kami tak dapat sebarang makluman mengenai kejadian tidak diingini disebabkan sampah dibuang dari atas sehingga mengakibatkan kecederaan," katanya.

Kena tubuh jawatankuasa penduduk

Pengerusi Pertubuhan Majlis Permuafakatan Penduduk (MPP) Saujana Utama, Khairul Annuar Jalaluddin berkata, penduduk Flat Kristana perlu bersatu hati menubuhkan jawatankuasa penduduk.

"Isunya sekarang ini, tiada jawatankuasa penduduk ditubuhkan di kawasan ini menyebabkan isu kebajikan dan prasarana bangunan terbabit terabai dan peruntukan sukar disalurkan.

"Bila tinjau sendiri kawasan pangsapuri ini bersama wakil penduduk, saya lihat bumbung bocor, siling pecah dan ada beberapa rumah kosong yang ditinggalkan dengan keadaan teruk.

"Sampah pun ada di-

buang merata tempat tapi ada satu sudut dijaga dengan baik. Mungkin sikap penduduk yang boleh membendung isu kebersihan di kawasan ini.

"Saya lihat ada penduduk yang rajin jaga kebersihan dengan tanam pokok bunga atau sayuran, jadi koridor

yang kotor sebelum ini dijaga baik atas inisiatif sendiri.

"Saya menasihatkan penduduk supaya dapat tubuhkan jawatankuasa penduduk supaya isu yang mereka hadapi dapat disalurkan sebaiknya demi kesejahteraan semua," katanya.

Tiada laporan tragedi buruk

SEMENTARA itu, Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor, Mohd Fakaruddin Ismail memaklumkan pihaknya setakat ini tidak menerima sebarang aduan mengenai sampah dibuang dari tingkat atas.

"Setakat ini, belum ada aduan buruk berkaitan sampah dibuang dari tingkat atas, cuma mereka merungut kutipan sampah pukal dan domestik saja di kawasan itu.

"Bagaimanapun bagi isu ini, hanya flat Kristana ini bermasalah sikit sebab tiada JMB dan jawatankuasa penduduk yang menguruskannya berbanding apartmen sederhana di kawasan sekitar.

"Kalau dibandingkan apartmen lain yang ada di Saujana Utama, di sini mempunyai JMB dan jawatankuasa penduduk masing-masing memain-



MOHD FAKARUDDIN

kan peranan.

"Sebagai Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor di kawasan ini, saya memastikan kutipan sampah berjalan seperti jadual dan kutipan sampah pukal dibuat mengikut keperluan.

"Cuma kalau sampah dibuang dari tingkat atas tu sampai mencederakan orang setakat ini masih belum lagi berlaku dan penduduk dinasihatkan membuang sampah dengan tertib di tempat yang disediakan," katanya.